

07 DEC 2000

Negara-Lantik

MICHAEL CHEN DILANTIK YANG DI PERTUA DEWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen hari ini dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara menggantikan Tan Sri Mohamed Ya'acob.

Pelantikan Chen, 68, dicadangkan oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan disokong oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Sebaik sahaja sidang bermula Setiausaha Dewan Negara Datuk Abdullah Abdul Wahab mengumumkan bahawa pihak dewan menerima hanya satu nama sahaja daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dicadangkan sebagai Yang Dipertua Dewan Negara mengikut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, katanya, Chen dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara mengikut peraturan 2 (3) mesyuarat Dewan.

Chen, yang dilahirkan di Chenderiang, Perak merupakan seorang peguam berkelulusan Lincoln's Inn pada 1961.

Pengumuman perlantikan itu disambut tepukan meja oleh anggota Dewan Negara sebagai tanda ucapan tahniah.

Chen berpengalaman luas dalam kerajaan termasuk sebagai Setiausaha Parlimen dari 1964-1969, Menteri Tugas Khas (1973-1974), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Luar Bandar (1974-1979) di samping pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang.

Chen yang akan tamat tempoh jawatan senatornya pada April 2003 kemudiannya memakai songkok serta jubah Yang Dipertua sebelum mengangkat sumpah memegang jawatan.

Dalam ucapan ringkasnya beliau berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, Dr Mahathir serta kerajaan kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk memegang jawatan itu.

Beliau berikrar akan menjalankan tugas serta tanggungjawabnya dengan adil dan berharap semua Anggota Dewan akan memberi kerjasama bagi menentukan persidangan Dewan Negara berjalan dengan licin dan sempurna.

Mohamed pula, yang telah dua penggal dilantik sebagai senator dari 1996 hingga 1999 dan bersambung hingga 2002, kini mengambil tempatnya di barisan senator.

-- BERNAMA

AKT MNY PR